

05 JUN 1999

MTUC-Pelarasan

MTUC MAHU SALURAN PERBINCANGAN BAGI LIMA BADAN BERKANUN

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Kerajaan perlu mewujudkan satu saluran khusus bagi membolehkan kakitangan lima badan berkanun yang pelarasan gaji mereka diluluskan semalam tidak menanti begitu lama di masa depan, kata Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Timbalan Presiden MTUC, Mohamed Shafie BP Mammal berkata, satu forum diperlukan bagi kakitangan badan yang terlibat menyalurkan sebarang kemusykilan mengenai gaji, syarat-syarat perkhidmatan mereka dan masalah lain.

"MTUC berharap nasib mereka tidak tergantung seperti ini di masa depan. Kes mereka unik kerana mereka tiada saluran untuk berbincang, tidak seperti kakitangan kerajaan atau swasta," katanya ketika mengulas persetujuan kerajaan meluluskan pelarasan gaji bagi kakitangan berkenaan yang berkuatkuasa 1 Jan 1995.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa lebih 10,000 kakitangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan menerima kenaikan gaji antara RM150 dan RM200.

Tambahan bayaran kadar imbuhan tetap keraian dan bayaran pembantu rumah kepada kumpulan eksekutif setaraf dengan jawatan utama (JUSA) Sektor Awam juga dinaikkan melibatkan tambahan bayaran kadar imbuhan tetap keraian bulanan di antara RM1,000 hingga RM2,000 dan tambahan kadar bayaran pembantu rumah bulanan di antara RM500 hingga RM1,000 berkuatkuasa 1 Jan 1996.

Shafie berkata MTUC mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, terutama Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, kerana prihatin dalam menyelesaikan kebuntuan yang begitu lama dan berharap ia membawa lembaran baru.

Katanya, penyelesaian itu juga merupakan petanda kerjasama erat di antara majikan dan pekerja serta membuktikan keharmonian industri di negara ini dapat terus dipelihara.

Shafie berkata ia juga mengelakkan kontroversi di antara kerajaan dan kakitangan terbabit kerana sepatutnya piket diadakan mulai minggu depan.

Dengan persetujuan kerajaan itu, Shafie berkata tibalah masanya bagi kakitangan terbabit meningkatkan produktiviti dan menghargai pengiktirafan kerajaan terhadap pengorbanan mereka selama ini.

"Saya harap langkah kerajaan ini akan dicontohi pihak swasta. Ini buktinya ekonomi mulai pulih dan syarikat-syarikat yang untung besar tidak ada lagi alasan hendak kurangkan gaji, tidak membayar bonus atau hendak menghentikan pekerja," katanya.

-- BERNAMA

AR AKD